

TINTA E - BULLETIN

Bulanan

JUN BIL. 06/ 2024



RUANGAN PERKONGSIAN MAKLUMAT

Tarikh 6 Jun setiap tahun telah diisytiharkan sebagai Hari Pustakawan peringkat kebangsaan. Ini merupakan satu penghormatan kepada pustakawan di seluruh negara.

Profesion ini bukanlah kerjaya yang baharu dan sentiasa berkembang dari semasa ke semasa. Semoga pustakawan di seluruh negara akan terus cemerlang dalam melaksanakan tugas yang diberi dan memberikan sumbangan bermakna kepada agama, bangsa dan negara.

JOM BACA BERSAMA 10 MINIT @UIS

Program ini diadakan pada setiap bulan minggu ke empat hari rabu. Program ini dijalankan selama 10 minit antara jam 1.00 hingga 2.00 petang. Lokasi program ini boleh dijalankan dimana-mana tempat yang bersesuaian untuk membaca. Pengguna hendaklah menggunakan buku yang diperolehi daripada perpustakaan.

Pengguna hendaklah memuat naik gambar sedang membaca di laman sosial perpustakaan dan meletakkan tanda pagar #Jombacabersama10minitUIS.


Untuk sebarang keterangan lanjut, boleh layari laman sosial kami (facebook, instagram, tik tok, youtube) melalui carian @imamalsyafiilibrary.

PUSTAKAWAN MALAYSIA
Hari Pustakawan 2024
Future Proofing Libraries
Innovate, Adapt, Excel

Emphasizing the imperative for libraries to future-proof themselves by embracing innovation, adapting to changing environments, and striving for excellence.

Underscores the proactive approach libraries must take to remain relevant and effective in serving their communities amidst technological advancements, societal shifts, and evolving user needs.

As librarians, we must adapt and adopt to these changes accordingly to the needs of the libraries.



PERASMIAN ISRA CORNER

Perasmian ISRA CORNER telah diadakan pada 21 Jun 2024 (Jumaat) jam 9.30 pagi bertempat di aras 1, Perpustakaan Imam Al-Syafi'i.

Majlis ini telah dirasmikan oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Mohamed Fairooz Abdul Khir, Pengurus Lembaga Jawatankuasa Shariah, CIMB Islamic Bank. Turut hadir adalah wakil dari INCEIF University, yang diketuai oleh YBrs. En Wan Rizaidy Wan M Saufi, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, ISRA International Consulting Sdn. Bhd. Universiti INCEIF dan wakil UIS yang diketuai oleh YBrs. Dr. Latifa Bibi Musafar Hameed, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan, Jaringan Komuniti dan Industri, UIS.

